



## **GARIS PANDUAN PELANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK (RA), PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA) DAN SKIM KHIDMAT TENAGA PENYELIDIKAN (SKTP)**

### **PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1. Garis Panduan Pelantikan Pembantu Penyelidik SiswaZah (GRA), Pembantu Penyelidik (RA) dan Skim Khidmat Tenaga Penyelidikan (SKTP) ini adalah untuk diterima pakai dalam urusan pelantikan bagi perkhidmatan di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi MARA.

#### **2.0 TAKRIF**

- 2.1 Pembantu Penyelidik SiswaZah (GRA) dan Pembantu Penyelidik (RA) adalah merujuk kepada individu yang dilantik secara rasmi bagi membantu dalam menjalankan projek seperti pencarian maklumat penyelidikan, pengumpulan data, mengurus perolehan bekalan/ peralatan penyelidikan dan aktiviti penyelidikan yang dijalankan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 2.2 Skim Khidmat Tenaga Penyelidikan (SKTP) adalah merujuk kepada individu yang dilantik secara sementara dalam Mod Kerja Kursus, Mod Penyelidikan atau Mod Campuran untuk membantu Ketua Projek dalam aktiviti penyelidikan agar berjalan dengan lancar.

#### **3.0 SYARAT PELANTIKAN**

##### **3.1 PEMBANTU PENYELIDIK (RA)**

- i. Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- ii. Lantikan tidak boleh dibuat ke atas mana-mana kakitangan kerajaan lain, termasuk yang sedang berkhidmat di UiTM.
- iii. Kadar bayaran adalah mengikut kelayakan akademik.
- iv. Tempoh lantikan pertama minimum adalah 3 bulan (Tertakluk kepada garis panduan geran)
- v. Projek penyelidikan masih aktif.
- vi. Ketua Projek bertanggungjawab kepada RA yang dilantik.
- vii. Peruntukan Vot 11000 masih mencukupi.
- viii. Tertakluk kepada Garis Panduan Pembiaya Geran dan peraturan UiTM.

##### **3.2 PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)**

- i. Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- ii. Terdiri daripada Pelajar SiswaZah yang mendaftar di UiTM secara sepenuh masa dalam pengajian mod penyelidikan.
- iii. Pelajar Master dan PhD yang berada di dalam tempoh pengajiannya.
- iv. Kadar bayaran adalah mengikut kelayakan akademik.

- v. Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti.
- ix. Tempoh lantikan pertama minimum adalah 3 bulan (Tertakluk kepada garis panduan geran)
- vi. Projek penyelidikan masih aktif.
- vii. Ketua Projek bertanggungjawab kepada GRA yang dilantik.
- viii. Peruntukan Vot 11000 masih mencukupi.
- ix. Tertakluk kepada Garis Panduan Pembiaya Geran dan peraturan UiTM

### 3.3 SKIM KHIDMAT TENAGA PENYELIDIKAN (SKTP)

- i. Mahasiswa berdaftar sepenuh masa atau separuh masa di UiTM dan berstatus aktif.
- ii. Mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Diploma.
- iii. Prestasi akademik dengan pencapaian CGPA > 2.50.
- iv. Maksima waktu bekerja yang dibenarkan ialah 5 jam sehari atau waktu maksima bekerja yang dibenarkan ialah 100 jam sebulan.
- v. Maksima lantikan sehingga 6 bulan sahaja.
- vi. Ketua Projek bertanggungjawab kepada SKTP yang dilantik.
- vii. Projek penyelidikan masih aktif.
- viii. Peruntukan masih mencukupi.
- ix. Tertakluk kepada Garis Panduan Pembiaya Geran dan peraturan UiTM.

## 4.0 PELANTIKAN

### 4.1 Tempoh pelantikan adalah seperti berikut:

- i. Tempoh minimum pelantikan bagi warganegara Malaysia hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan manakala bukan warganegara hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan. (Tertakluk kepada garis panduan geran)
- ii. Tempoh maksimum pelantikan bagi kedua-dua warganegara Malaysia dan bukan warganegara adalah tertakluk kepada tempoh projek penyelidikan.
- iii. Calon **tidak dianggap sebagai staf tetap** Universiti Teknologi MARA.

## 5.0 PELANJUTAN

### 5.1 Pelanjutan tempoh pelantikan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada tempoh projek penyelidikan aktif:

- i. Prestasi perkhidmatan memuaskan dan diperakurkan oleh Ketua Projek/Pengarah RMC/PTJ.
- ii. Peruntukan geran penyelidikan Vot 11000 mencukupi bagi tujuan pembayaran elaua.

## 6.0 KADAR BAYARAN DAN KELAYAKAN ELAUN

### 6.1 Kadar bayaran elauan dan kelayakan adalah mengikut Garis Panduan Semasa Pembiaya Geran. Berikut adalah panduan kadar bayaran elauan mengikut kelayakan:

#### 6.1.1 Calon Pembantu Penyelidik (RA)

BIL	KELAYAKAN	GAJI (RM)
1	SPM/STPM/Diploma	1,300
2	Ijazah Sarjana Muda	1,800
3	Ijazah Sarjana	2,300
4	PhD	2,500

6.1.2 Calon Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

BIL	KELAYAKAN	GAJI (RM)
1	SPM/STPM/Diploma	1,200
2	Ijazah Sarjana Muda	1,500
3	Ijazah Sarjana	1,800
4	PhD	2,300

6.1.3 Calon Skim Khidmat Tenaga Penyelidikan (SKTP)

BIL	KELAYAKAN	GAJI (RM)
1	SPM/STPM/Diploma	700
2	Ijazah Sarjana Muda	900
3	Ijazah Sarjana	1,000

**\*Nota Penting:**

- i. Calon yang dilantik tidak boleh dibayar sebarang honorarium dari mana-mana sumber peruntukan sebagai tambahan kepada gaji sedia ada.
- ii. Tuntutan elaun perjalanan rasmi/elaun makan/elaun loging/elaun harian kerana urusan yang berkaitan penyelidikan boleh dibayar berdasarkan kadar yang berkuatkuasa di UiTM.
- iii. Calon-calon dipertimbangkan elaun melebihi dari julat yang dibenarkan tertakluk kepada:
  - a. Kelulusan dan syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh pembiaya geran atau kelulusan Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) / Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
  - b. Baki semasa vot bagi peruntukan geran penyelidikan yang diluluskan adalah mencukupi untuk membiayai gaji sepanjang tempoh pelantikan calon.
  - c. Justifikasi kenaikan elaun daripada Ketua Projek/Pengarah RMC/ PTJ.

## 7.0 HADIR SEMINAR/KONFERENSI/KURSUS

- 7.1 Dibenarkan hadir Seminar/Konferensi/Kursus yang berkaitan dengan penyelidikan, iaitu **dalam negara sahaja** dengan kelulusan Ketua Projek.

## **8.0 PROSEDUR PERMOHONAN PELANTIKAN**

8.1 Permohonan pelantikan untuk melantik calon hendaklah dikemukakan oleh Ketua Projek kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) untuk kelulusan dengan mengemukakan:

- i. Borang permohonan pelantikan beserta *Curiculum Vitae* (CV) calon yang diperakukan
- ii. Tempoh pelantikan yang dicadangkan
- iii. Skop tugas yang akan dipertanggungjawabkan
- iv. Elaun yang dicadangkan
- v. Peruntukan yang digunakan
- vi. Salinan Kad Pengenalan
- vii. No Akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
- viii. Permohonan dan pelantikan adalah melalui Sistem IRMIS (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis/>)

### **8.2 Surat Tawaran**

(a) Surat tawaran pelantikan ditandatangani oleh Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Nama jawatan yang ditawarkan
- ii. Taraf pelantikan jawatan
- iii. Tempoh pelantikan
- iv. Elaun yang ditawarkan
- v. Nama projek
- vi. Maklumat berkaitan dengan urusan Jabatan Imigresen Malaysia (bagi Bukan Warganegara)

(b) Kenyataan berkaitan keperluan untuk menyerahkan semua maklumat dan data-data yang berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Ketua Projek sebelum menamatkan perkhidmatan masing-masing.

### **8.3 Surat Perlanjutan**

Permohonan perlanjutan boleh dibuat dalam tempoh dua (2) bulan secara atas talian melalui Sistem iRMIs oleh calon dengan pengesahan dan sokongan daripada Ketua Projek. Butiran-butiran yang merangkumi:

- i. Nama jawatan yang ditawarkan
- ii. Taraf pelantikan jawatan
- iii. Tarikh mula dan tarikh tamat
- iv. Tarikh mula dan tarikh tamat pelantikan baru
- v. Tempoh pelantikan
- vi. Gaji yang ditawarkan
- vii. Nama projek
- viii. Maklumat berkaitan dengan urusan pihak Berkuasa Imigresen Malaysia iaitu satu salinan pasport dan visa/pas yang sah tempoh (bagi Bukan Warganegara).

## **9.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN**

- 9.1 Penamatan perkhidmatan hendaklah dibuat dengan 1 bulan notis.
- 9.2 Ketua Projek dikehendaki mengemukakan surat pemakluman penamatan perkhidmatan pembantu penyelidik kepada pihak RMC.
- 9.3 Pihak RMC / Ketua Penyelidik berhak menarik balik tawaran atau menamatkan perkhidmatan tanpa memberi notis terlebih dahulu, sekiranya maklumat yang diberikan oleh pegawai yang dilantik adalah tidak benar di dalam mana-mana dokumen yang dikemukakannya.
- 9.4 Bagi calon Bukan Warganegara, surat penyelesaian cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mesti diperolehi terlebih dahulu bagi maksud pembayaran gaji terakhir (Jika berkenaan).
- 9.5 Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Projek bagi pelantikan yang mana berkenaan untuk melaporkan kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) sekiranya terdapat calon tidak hadir bertugas tanpa kebenaran untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

## **10.0 PERKARA-PERKARA LAIN**

- 10.1 Jika calon Bukan Warganegara, urusan permit oleh Kerajaan Malaysia hendaklah dilakukan sendiri oleh calon atau Ketua Penyelidik dan segala perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung sendiri oleh calon;
- 10.2 Walau bagaimanapun, calon Bukan Warganegara adalah tidak digalakkan kecuali jika kepakaran calon tidak diperolehi secara tempatan atau tertakluk kepada syarat pembiaya geran.
- 10.3 Calon yang memegang biasiswa atau bantuan kewangan daripada mana-mana pembiaya tidak boleh dilantik.
- 10.4 Calon tidak boleh dipegang serentak dengan jawatan lain sama ada di dalam atau di luar Universiti Teknologi MARA. Sekiranya didapati ada pertindihan, tindakan undang-undang akan diambil ke atas individu berkenaan.
- 10.5 Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di Universiti Teknologi MARA.
- 10.6 Bermula **16 Oktober 2017** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan kajian dasar pengambilan GRA antarabangsa tertakluk kepada perkara perkara berikut :-
  - i. **Keutamaan** hendaklah diberi kepada GRA warganegara Malaysia
  - ii. Institusi Pendidikan Tinggi hanya dibenarkan mengambil GRA antarabangsa tidak melebihi 50% daripada GRA warganegara Malaysia; dan
  - iii. Pembayaran upah dan elauan GRA antarabangsa menggunakan geran penyelidikan KPT adalah **terpakai bagi semua lantikan GRA baharu**.